

09/05/2002

Susun strategi pulau Israel (HL)

Kadir Dikoh; Misiah Taib; Anwar Patho Rohman; Anida Salwani
KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak umat Islam, termasuk ahli Umno dan Pas, bersatu menyusun strategi bagi mendapatkan sokongan antarabangsa dalam usaha menekan Israel sehingga negara Yahudi itu dipulaukan seluruh dunia.

Kerajaan sendiri, kata Perdana Menteri, sudah mengutus surat bagi mendapatkan sokongan pemimpin negara Eropah dan semua negara Islam supaya mengambil tindakan menghentikan kezaliman Israel di Palestin.

"Ini adalah satu strategi yang dilaksanakan oleh negara yang lemah dan umat Islam kini harus mengakui hakikat bahawa mereka adalah golongan yang lemah.

"Umat Islam tidak boleh bertindak dalam keadaan yang marah kerana ia tidak akan memberi sebarang keuntungan dalam mencapai matlamat atau jalan penyelesaian.

"Malang sekali kalau bertindak mengikut hati kerana ia tidak akan dapat mencapai apa-apa matlamat, tetapi sekadar untuk memuaskan hati," katanya.

Dr Mahathir berkata sama ada cara itu berkesan atau tidak, yang pasti kerajaan akan menggunakan pengaruhnya ke atas beberapa negara Eropah yang menjadi rakan Malaysia.

"Ini cara kita Umno dan Pas mungkin ada pendekatan berbeza, tetapi matlamat tetap sama sejauh yang berkaitan dengan Palestin.

"Musuh kita ialah Israel atau lebih khusus lagi (Perdana Menterinya) Ariel Sharon, manusia yang bukan manusia...binatang," katanya pada Syarahan Perdana Palestin dan Kemanusiaan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di sini, malam ini.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor turut berucap pada majlis anjuran DBP dan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim). Inilah pertama kali kedua-dua pemimpin itu berucap di pentas yang sama yang dihadiri lebih 3,000 orang, termasuk ahli Umno dan Pas.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Timbalan Presiden Pas, Datuk Abdul Hadi Awang serta Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail selain beberapa menteri Kabinet serta ahli Parlimen.

Pada akhir majlis itu, Dr Mahathir dan Fadzil yang juga Ketua Pembangkang di Dewan Rakyat menandatangani pernyataan bersama yang menyatakan komitmen masing-masing untuk bersama-sama memberi sumbangan dalam apa jua bentuk sehingga rakyat Palestin dapat hidup dengan aman dan damai di negara yang berdaulat.

Dr Mahathir tiba di perkarangan DBP pada kira-kira jam 8 malam dan ketika itu, Fadzil, Abdul Hadi dan Naib Presiden Pas, Datuk Mustafa Ali sedang menunggu dalam sebuah bilik. Mereka kemudian turut mengiringi Perdana Menteri dan Abdullah melihat pameran mengenai gambar sekitar kejadian di Palestin sumbangan akhbar The New Straits Times.

Fadzil yang menggunakan teks ucapan mengambil masa sejam berucap, kebanyakannya menyentuh mengenai sejarah Palestin manakala Dr Mahathir banyak mengajak ke arah perpaduan ummah dan langkah diambil kerajaan dalam usaha memerangi keganasan Israel.

Dewan yang penuh sesak bagaikan memberi isyarat untuk menyokong kedua-dua pemimpin itu kerana sekali sekala tepukan diberi apabila mereka menyentuh isu perpaduan. Ada kalanya pekikan "takbir" dan "Allahuakbar" kedengaran, dipercayai laungan penyokong Pas.

Dalam ucapannya selama 50 minit, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno,

berkata buat masa ini umat Islam perlu menggunakan cara diplomasi bagi mengurangkan sokongan negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat terhadap Israel.

Perdana Menteri juga yakin Umno dan Pas boleh bekerjasama dan bersatu untuk menunjukkan kepada masyarakat Islam bahawa ada masanya dua parti orang Islam itu boleh mengenepikan perbezaan pendapat.

"Kita kerap kecam OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) sebagai tidak bersatu. Sebelum kita boleh kata itu, kita bersatu dulu lah. Bila nak tegur orang lain, betulkan diri.

"Dalam hal ini, tidak ada masalah bagi Pas dan Umno untuk bekerjasama," katanya sambil menerima tepukan gemuruh hadirin.

Katanya, umat Islam di negara ini harus bersedia mengenepikan perbezaan fahaman politik dalam mencari kekuatan bagi membantu usaha menyelesaikan isu dan konflik di Palestin.

"Dalam soal ini kita bersatu dan anggap ini (majlis syarahan) sebagai satu langkah pertama," katanya.

Katanya, dalam soal itu, beliau dan Fadzil serta Umno dan Pas, turut mempunyai kemarahan yang sama.

Beliau berkata, umat Islam berdepan dengan musuh yang sama iaitu Israel dan adalah perlu bagi Umno dan Pas bersatu padu sekurang-kurangnya dalam menangani konflik Palestin.

"Saya rela (bersatu) kerana saya tidak nampak perbezaan. (Mengenai perkara) yang lain kita bermusuhan tak apa, tetapi ini adalah mengenai musuh kita bersama," katanya.

Dr Mahathir berkata, ada juga yang berpendapat bahawa beliau tidak perlu untuk mengadakan pertemuan dengan Presiden George W Bush kerana Amerika tetap dengan pendirian menyokong Israel.

"Sharon pun jumpa Bush dan yang lain pun jumpa dia. Jika saya pergi (jumpa), walaupun mungkin tak berjaya mempengaruhi keadaan, sekurang-kurangnya saya sudah bercakap," katanya.

(END)